

Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu

Educational Value and Malay Wisdom as seen in the Malay Pantun and Malay Proverbs

ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH

ABSTRAK

Pantun dan Peribahasa Melayu mengungkapkan nilai kemasyarakatan, nilai ekonomi, nilai ilmu keagamaan dan nilai pendidikan. Kedua-dua warisan bangsa ini begitu sinonim dengan pemikiran dan kebudayaan masyarakat Melayu, namun kajian terperinci tentang kedua-dua genre ini belum menyeluruh. Justeru tujuan makalah ini adalah untuk mengenal pasti elemen yang mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu yang terdapat dalam pantun dan peribahasa Melayu dan menjelaskan sejauh manakah elemen yang terdapat dalam pantun dan peribahasa Melayu dapat menyingkap nilai falsafah bangsa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual. Sebanyak 10 orang responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data pantun dipilih daripada buku Kurik-kurik Kundi Merah Saga manakala data peribahasa dipilih daripada buku Peribahasa Melayu – Penelitian Nilai dan Makna. Data yang diperolehi dianalisis secara kualitatif menggunakan teori beralas (Grounded Theory) dengan berlandaskan pendekatan etnometodologi, teori Kognitif-Konstruktiviti dan pendekatan pragmatik. Hasil kajian mendapati aspek leksikal yang digunakan dalam pantun dan peribahasa jelas mencerminkan aspek pengetahuan, pemikiran, dan falsafah bangsa Melayu. Malahan bentuk bahasa yang diungkapkan dalam pantun dan peribahasa turut mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan bangsa Melayu.

Kata kunci: Pantun; peribahasa; pendidikan; falsafah; kebijaksanaan Melayu

ABSTRACT

Malay Pantun and Malay proverb expressed the social value, economic value, and the value of religious education. Both the nation's heritage is so synonymous with the thinking and Malay culture, but detail study of these two genres is not comprehensive. Hence the purpose of this paper is to identify elements which demonstrate the value of education and the community wisdom contained in the Malay Pantun, and Malay proverbs and explains to what extent the elements contained in Malay Pantun and Malay proverbs can reveal the philosophy of the Malay community. The method used in this study was document analysis and interview. A total of 10 respondents were selected using purposive sampling technique. Data selected from a book of Malay Pantun, "Kurik Kundi Merah Saga" while Malay proverb was selected data from the book "Malay proverb - The Value and Meaning." The data were analyzed qualitatively using grounded theory in accordance with ethnomethodology approach, theory of Cognitive-constructivist and pragmatic approach. The study found that aspects of lexical used in Malay Pantun and Malay proverb clearly reflect aspects of knowledge, thinking, and philosophy of the Malay community. More ever the language expressed in Malay Pantun and proverbs also displayed the value of education and the Malay wisdom.

Keywords: Malay pantun; Malay proverbs; education; philosophy; Malay wisdom

PENGENALAN

Pantun adalah simbol artistik masyarakat Melayu dan juga lambang kebijaksanaan berfikir. Pantun sering dijadikan alat komunikasi dalam aktiviti kemasyarakatan. Pantun yang sinonim dengan pemikiran dan kebudayaan masyarakat Melayu di Nusantara ini telah ditulis sekitar lima abad yang lalu atau mungkin berusia lebih tua daripada itu. Hal ini terbukti daripada pantun yang tertulis dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, W.G. 1982).

1. Telur itik di Singgora,
Pandan terletak dilangkahi;
Darahnya titik di Singapura,
Badanya terhantar di Langkawi
SM (1982:51)
2. Ketua-ketua raja duduk
Jangan ditimpa papan;
Diketahui ganja itu mabuk,
Apakah sebab maka dimakan
SM (1982:210)

3. Dang Nila memangku puan,
Berembang buah pedada;
Adakah gila bagimu tuan?
Burung terbang dipipiskan lada
SM (1982:160)

Menjadi satu-satunya hak milik kekal bangsa Melayu, pantun tidak tercemar dengan pertembungan tamadun masyarakat dunia. Pantun (1), Pantun (2) dan Pantun (3) di atas, memperlihatkan bahawa pantun Melayu mengandungi aspek nilai falsafah (P1), nilai pendidikan (P2), dan tingkah laku masyarakat (P3).

Sebenarnya, pantun dapat diumpamakan sebagai catatan ringkas, suatu contoh corak kehidupan di alam semesta ini yang diungkapkan dalam bentuk puisi. Pantun umpama sebutir intan di lembah kehidupan yang tidak pernah hilang cahaya keindahannya ditelan zaman. Pantun menyingkap hampir semua aspek kehidupan bangsa Melayu seperti tanah air, rumah dan kehidupan; ladang, kebun dan sawah padi; perigi, sumur, kali, sungai, laut dan lautan; belukar, semak, rimba dan hutan; busut, bukit dan gunung; tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok, bunga-bunga, buah-buahan, haiwan, dan benda-benda serta alat-alatan untuk kegunaan setiap hari dalam bait-baitnya. Pendek kata, pantun mengungkapkan adat dan tradisi, falsafah, pemikiran dan kebijaksanaan, kepercayaan dan amalan hidup, keindahan dan kecintaan manusia sesama manusia, manusia dengan alamnya serta manusia dengan pencipta-Nya.

Selain pantun, peribahasa Melayu turut mengungkapkan pancaran adat dan tradisi, nilai kebijaksanaan, kepercayaan, keindahan dan kecintaan manusia sesama manusia dan manusia dengan alam dan manusia dengan pencipta-Nya. Peribahasa yang merupakan rangkap kata-kata yang diujarkan dalam bentuk ungkapan dan kiasan adalah terdiri daripada kata-kata terpilih yang mengandungi nasihat, nilai pengajaran dan teladan. Peribahasa juga sarat dengan mesej dan nilai falsafah dan pemikiran bangsa yang masih wajar diterima umum sehingga kini. Sebagai wadah warisan bangsa, peribahasa mempunyai asal-usul penciptaannya dalam tradisi lisan yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi. Selain itu, perwatakan serta sifat-sifat orang Melayu juga dapat diketahui daripada peribahasa Melayu, (Wilkinson 1907). Malahan hukum adat dan nilai moral juga terungkap dalam peribahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa penciptaan peribahasa adalah berdasarkan

fenomena sebenar kehidupan masyarakat Melayu, (A. W. Hamilton 1947; Zaitul Azma dan Ahmad Fuad 2011).

Tegasnya, peribahasa yang terdiri daripada kata-kata terpilih, mengandungi nasihat dan kata-kata akal yang kebenarannya dapat diterima umum, juga mempunyai asal-usul penciptaannya dalam tradisi lisan sama seperti pantun. Tambah lagi, peribahasa ini dirakam daripada pelbagai cara dan latar hidup serta budaya masyarakat Melayu agar makna dan mesej yang ingin disampaikan oleh pengungkapnya mudah difahami dan diingati oleh pendengarnya. Disebabkan penciptaan peribahasa adalah berkaitan dengan latar budaya masyarakat bahasanya, lantaran itu peribahasa ini diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi, sehingga kadang-kadang terdapat makna khusus untuk sesuatu peribahasa itu yang tidak lagi relevan tetapi masih tetap digunakan. Sebagai contoh, peribahasa “biar lambat asalkan selamat”, “buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali”, “umpama Belanda minta tanah” dan sebagainya.

Di samping itu, penciptaan peribahasa memperlihatkan fungsi “kebijaksanaan masyarakat”, dalam memberikan nasihat secara umum dan khusus melalui makna yang tersurat dan tersirat tentang cara untuk bertindak dan hidup bermasyarakat. Dengan kata lain, peribahasa sangat mencerminkan nilai-nilai budaya dan persekitaran fizikal yang berkaitan. Sebagai contoh, budaya hidup petani tradisional mempunyai peribahasa berkaitan padi, burung, angin dan haiwan; budaya hidup nelayan mempunyai peribahasa berkaitan laut, ikan, ombak dan alatan menangkap ikan manakala budaya hidup peladang dan penternak mempunyai peribahasa berkaitan rotan, hutan, gergaji, kapak dan sebagainya, (Zaitul Azma Zainon Hamzah 2015). Senada dengan itu, kebanyakan peribahasa dan maknanya menyingkap dan mengungkapkan nilai-nilai hidup dan tindakan manusia dengan alam sekelilingnya.

Disebabkan penciptaan peribahasa mengambil kira aspek kebijaksanaan, pengalaman hidup manusia yang dikaitkan dengan aspek alam semesta ciptaan-Nya, maka makna dan mesej yang ingin disampaikan mempunyai unsur persamaan dengan sesebuah kehidupan, selain memancarkan falsafah, pendirian dan pengalaman seseorang itu dalam menempuh hidup dan cabarannya. Justeru tujuan makalah ini adalah untuk mengenal pasti elemen yang mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun

dan peribahasa Melayu, dan menjelaskan elemen yang memancarkan nilai falsafah bangsa Melayu yang terdapat dalam pantun dan peribahasa Melayu.

Serentak dengan itu, makalah ini juga akan cuba menjawab tiga persoalan kajian yang berikut;

1. Sejauh manakah aspek pemikiran turut mempengaruhi aspek leksikal dalam pantun dan peribahasa Melayu?
2. Apakah bentuk bahasa yang digunakan untuk mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan?
3. Bagaimanakah refleksi dan motivasi daripada situasi dan konteks dapat membentuk makna bahasa yang digunakan?

Dalam makalah ini, beberapa prinsip teori dijadikan landasan untuk menghuraikan peranan pantun dan peribahasa dalam interaksi sosial bagi tujuan mengkaji nilai falsafah dan pemikiran penutur mengikut konteks sosiobudaya. Hal ini kerana bahasa dan budaya berperanan sebagai satu elemen komunikasi untuk memahami interaksi sosial mengikut konteksnya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual. Analisis dokumen merupakan satu bentuk penyelidikan kualitatif yang mana dokumen ditafsirkan oleh penyelidik untuk memberikan suara dan makna sekitar satu topik atau tema yang dikaji. Dengan kata lain, menganalisis dokumen menggabungkan pengekodan kandungan mengikut tema. Analisis dokumen sering digunakan dalam kombinasi dengan kaedah penyelidikan kualitatif yang lain

sebagai satu cara untuk triangulasi dalam kajian fenomena yang sama (Denzin 1970). Lagi pun, penyelidikan kualitatif dijangka menarik apabila penumpuan dan pembuktian dilakukan melalui penggunaan sumber data dan kaedah yang berbeza. Justeru, selain data daripada dokumen, sumber data daripada temu bual (Yin 1994) digunakan dalam kajian ini. Sebanyak 10 orang pelajar, iaitu 5 orang lelaki (L) dan 5 orang perempuan (P) yang sedang mengikuti program bahasa dan linguistik di sebuah universiti awam dipilih sebagai responden temu bual (RTB) menggunakan teknik persampelan bertujuan. Responden ini dipilih untuk menjawab soalan temu bual berstruktur. Kaedah temu bual berstruktur dijalankan dalam kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian kedua, iaitu Apakah bentuk bahasa yang digunakan untuk mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan?

Dengan menggunakan maklumat yang dikumpul melalui kaedah yang berbeza, penyelidik boleh menyokong penemuan set data dan dengan itu dapat mengurangkan *bias* yang berpotensi boleh wujud dalam kajian ini. Sementelahan menurut Patton (1990), triangulasi membantu melindungi penyelidik terhadap tuduhan bahawa penemuan kajian ini adalah semata-mata data daripada satu sumber.

Sementara itu, data pantun yang digunakan dalam kajian adalah dipilih daripada buku Kurik-kurik Kundi Merah Saga (KKMS) dan data peribahasa pula dipilih daripada buku Peribahasa Melayu- Penelitian Nilai dan Makna (PMPNM). Data kajian ini dipilih oleh penyelidik berdasarkan kerelevanannya untuk memberikan penerangan terperinci bagi menjawab persoalan kajian. Selain itu terdapat dua data pantun yang dikemukakan oleh responden ketika ditemu bual turut dianalisis berdasarkan kerelevanannya. Jumlah kesemua data yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Jumlah data kajian

Bil	Sumber Data	Data
1.	KKMS (2009)	: 8 pantun
2.	PMPNM (2011)	: 10 peribahasa
3.	Data Responden temu bual (RTB)	: 2
JUMLAH		20

Jumlah data sebanyak 20 ini adalah sejajar dengan kajian kualitatif yang penekanan bukan pada bilangan orang atau jumlah data. Tambah pula,

dalam kajian kualitatif sering melibatkan nombor yang lebih kecil, begitu juga dengan data yang digunakan. Walaupun jumlah data yang digunakan

sedikit tetapi analisis kualitatif membolehkan penghuraian terperinci dan mendalam dilakukan sehingga beberapa klasifikasi dapat dibentuk, (Glenn A. Bowen 2009).

TEORI BERALAS (*GROUNDED THEORY*)

Teori beralas (*Grounded Theory*) adalah satu kaedah penyelidikan kualitatif berbentuk induktif yang digunakan oleh penyelidik untuk mengembangkan satu teori daripada data fenomena sosial tertentu (Martin dan Turner 1986). Penyelidik melibatkan diri dalam proses lelaran antara data dan teori baharu yang muncul itu. Strauss dan Corbin (1998) mentakrifkan teori sebagai satu set kategori yang terhasil (contohnya, tema, konsep), yang secara sistematiknya saling berkaitan melalui hubungan pernyataan-pernyataan untuk membentuk kerangka teori yang menerangkan beberapa fenomena sosial yang relevan. Teori ini dijana daripada data penyelidikan itu, (Strauss dan Corbin 1998).

Seterusnya, Creswell (2007) menjelaskan bahawa pendekatan teori beralas adalah digunakan dalam keadaan apabila tiada teori atau model sedia ada yang dapat menerangkan proses yang timbul dalam penyelidikan itu. Daripada sudut lain, kemungkinan juga terdapat model namun model tersebut yang telah dibangunkan dan diuji pada sampel dan populasi sebelum ini, didapati tidak menarik minat penyelidik kualitatif. Begitu juga, pelbagai teori boleh hadir, namun teori-teori ini didapati tidak lengkap untuk menangani pemboleh ubah atau data yang berpotensi dan menarik minat penyelidik.

PENDEKATAN ETNOMETODOLOGI

Etnometodologi sebagai satu perspektif dalam sosiologi yang memberikan tumpuan kepada cara orang memahami dunia sehari-hari mereka. Orang ramai dilihat sebagai pelaku rasional, yang menggunakan penaaakulan praktikal untuk memahami dan fungsi dalam masyarakat, (Garfinkel, H. (1967). Teori reflektiviti dalam pendekatan etnometodologi berpendapat bahawa masyarakat adalah bergantung sepenuhnya kepada kaedah ini untuk mencapai dan memaparkan pemahaman mereka. Sehubungan dengan itu, melalui teori reflektiviti, penyelidik cuba memikirkan struktur teori yang dapat membantu analisis perspektif

sosiobudaya dalam pantun dan peribahasa Melayu. Hal ini, memerlukan penyelidik berfikir secara lateral untuk menyelesaikan masalah melalui pendekatan secara tidak langsung dan kreatif dengan menggunakan alasan dan melibatkan idea-idea yang diperoleh menggunakan logik tradisional.

Refleksiviti tahap rendah memperlihatkan pembentukan pemahaman individu yang ditentukan oleh persekitaran mereka (atau “masyarakat”). Refleksiviti sosial tahap tinggi akan memperlihatkan individu membentuk norma-norma mereka sendiri, nilai rasa, keinginan, politik, dan sebagainya, (Charalambos Tsekeris, 2010).

TEORI KOGNITIF-KONSTRUKTIVITI

Teori Kognitif-Konstruktiviti ini mengemukakan empat tahap, iaitu,

1. PEMAHAMAN ASAS MAKNA DAN KONSEP
Seseorang itu belajar dan membina pemahaman yang bermakna tentang alam sekeliling mereka. Setiap makna kata dan konsep dalam bahasa memperlihatkan fahaman manusia berasaskan pengetahuan, pengalaman kebudayaan, deria pancaindera, daya penaaakulan dan penilaian sendiri yang terhasil dengan cara mereflek tindakan fizikal dan mental mereka.
2. PEMBENTUKAN MAKNA DAN KONSEP
Asas kognitif digunakan untuk menentukan imejan makna berdasarkan pengelasan kognitif seperti domain penaaakulan, skop dan medan penerbitan. Setiap simbol makna diterbitkan setelah seseorang itu mendapat pemahaman tentang pengalaman baharu, perkara atau suatu fenomena lalu membentuk atau membina makna kata dan konsep tentang perkara atau sesuatu fenomena tersebut
3. PENSTRUKTURAN MAKNA DAN KONSEP
Makna ialah hasil penaaakulan dan daya tumpuan manusia. Berbekalkan kedudukan, sudut pandangan dan wawasan, seseorang itu akan mengasimilasikan idea baru dan menyesuaikan idea baru dengan idea yang sedia ada. Dengan yang demikian makna kata dan konsep dalam bahasa dapat dilihat sebagai hasil pengubahan, pembinaan dan pencantuman idea dan juga melalui penstruktur semula idea baharu dengan idea sedia ada yang diperoleh hasil

daripada interaksi manusia dengan alam sekelilingnya, (<https://id.wikipedia.org/wiki/Konstruktivisme>) .

4. PENGLAHIRAN MAKNA DAN KONSEP SEPADAN DENGAN KELAZIMAN RUJUKAN
Setiap fokus manusia adalah lebih tampak daripada latar. Oleh itu, pemerolehan pengetahuan tentang imejan, medan fokus dan makna latar adalah terhasil daripada pembinaan semula makna kata dan konsep daripada medan fokus dan makna konsep daripada latar situasi dan dunia luar. Pembentukan makna kata dan konsep adalah sepadan dengan kelaziman rujukan.

PENDEKATAN PRAGMATIK

Pragmatik ditakrifkan sebagai bidang bahasa yang mengkaji cara suatu ujaran itu mendapat makna apabila digunakan dalam konteks tertentu. Pendekatan pragmatik mengutamakan penginterpretasian makna ujaran yang ada hubungannya dengan konteks situasi, tujuan penutur itu menghasilkan ujaran, dan cara pendengar menerima dan memahami ujaran itu. Serentak dengan itu, bidang pragmatik cuba menyerlahkan penggunaan bahasa dan fungsi bahasa mengikut konteks. Kajian pragmatik tidak mengutamakan struktur bahasa dalam menginterpretasi makna ujarannya tetapi lebih kepada hubungan antara struktur bahasa dengan peraturan perlakuan para penggunanya. Dengan kata lain, pendekatan pragmatik menekankan kerelevanan sesuatu ujaran adalah bergantung pada konteks, kesan konteks ataupun kognisi dan usaha pemprosesan maklumat antara penutur dan pendengar, (Zaitul Azma Zainon Hamzah 2002).

TUMPUAN KAJIAN

Dalam makalah ini, aspek bahasa yang dikaji pada tahap kognisi akan dilihat daripada segi penggunaannya. Antara aspek bahasa itu ialah;

- a. Aspek tatabahasa
- b. Leksikon - (perbendaharaan kata)
- c. Semantik - bahasa yang mempunyai ciri-ciri semantik yang memperlihatkan kebijaksanaan dan nilai tradisionaliti.
- d. Metafora - penggunaan metafora yang berbeza dan dengan cara yang berbeza.

- e. Pragmatik - menjelaskan bahawa konteks memainkan peranan yang penting dalam penggunaan dan pemahaman bahasa dalam tetapan konkrit serta memberikan kesan kepada mental dan kehidupan masyarakat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu terpancar dalam pantun dan peribahasa menerusi elemen bahasa yang digunakan. Selain itu aspek leksikon dan tatabahasa yang digunakan dalam penciptaan pantun dan peribahasa turut mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan serta menyingkap nilai falsafah bangsa Melayu.

Dalam pada itu, pantun dan peribahasa digunakan secara rasional untuk menyingkapkan mesej dan nilai pendidikan, kebijaksanaan dan pemikiran falsafahnya namun penyampaiannya adalah berbeza daripada hujah logik dan saintifik. Hal ini demikian kerana mesej pantun dan peribahasa yang utamanya adalah untuk menyerlahkan kekuatan naratif dan makna pemikiran yang cuba disampaikan dalam konteks sosial. Hal ini adalah selari dengan peranan pantun dan peribahasa, iaitu instrumen yang mendukung pelbagai fungsi dan menonjolkan pemikiran yang fleksibel dengan mengekalkan sikap yang tegar atau mod tradisional berkaitan dengan pemikiran dan budaya penuturnya. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 1 (PT 1) yang berikut;

Bil	Pantun
PT1	Buah cempedak di luar pagar, Ambil galah tolong jolokan; Saya budak baru belajar, Kalau salah tolong tunjukkan.

Data Responden

Dalam PT 1 di atas, elemen yang memperlihatkan nilai pendidikan terpancar dalam bahagian isi pantun (IP), iaitu:

“Saya budak baru belajar, Kalau salah tolong tunjukkan”.

IP memperlihatkan satu usaha untuk mendapatkan ilmu. Begitu juga dalam pembayang pantun (PP), turut memperlihatkan satu usaha dan satu permintaan yang

santun, (Leech 1983) untuk mendapatkan ilmu. Hal ini menunjukkan individu membentuk norma mereka sendiri, iaitu tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan mereka sehingga melahirkan keinginan untuk mempelajari dan memperolehnya.

Penggunaan kata ‘buah cempedak di luar pagar’ mewakili representasi semantik, iaitu ilmu yang berada di luar sana itu atau di luar alam sekeliling mereka itu amat banyak. Justeru seseorang yang hendak mempelajari dan mendapatkan ilmu, perlulah mereka keluar dari kampung halaman atau daerahnya. Jika perlu, mereka harus merantau dan sentiasa berperilaku santun ketika memohon pertolongan daripada masyarakat setempat untuk membantu serta memberikan tunjuk ajar kepada mereka bagi memperoleh ilmu. Hal ini dinyatakan dalam isi pantun;

Saya budak baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.

Dalam pantun di atas, terpancar juga nilai falsafah dan kebijaksanaan bangsa Melayu. Pemilihan buah cempedak merepresentasikan alam flora dan cirinya. Bangsa Melayu telah memahami kewujudan buah cempedak yang mengandungi isi berulas-ulas. Hal ini memberikan pemahaman asas kepada makna konsep ilmu yang banyak. Dengan berdasarkan pengalaman kebudayaan dan daya penaakulan pula telah membuka ruang pemikiran mereka dalam menentukan imejan makna dan seterusnya kepada medan penerbitan tentang makna kognitif bahawa ilmu itu banyak dan sangat berguna kepada kehidupan manusia. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk mendapatkan ilmu tersebut. Penggunaan galah mewakili makna konsep, iaitu suatu yang panjang dan lurus. Sementara itu, lapan orang responden menyatakan bahawa galah yang lurus, panjang dan tinggi mewakili makna ‘bersemangat jujur, bercita-cita tinggi dan tidak mudah lentur serta berputus asa dalam menuntut ilmu’. Hal ini menjelaskan bahawa untuk mempelajari sesuatu ilmu itu, seseorang itu memerlukan masa yang panjang dan jiwa yang lurus, jujur dan kental.

Dalam pada itu, kebanyakan responden turut berpendapat, iaitu seseorang itu harus juga merendah diri dan sentiasa meminta bantuan jika menghadapi kesukaran untuk belajar dan mendapatkan ilmu. Tambah lagi, hampir keseluruhan responden menyatakan, “untuk menjaga adat dan tatasusila, percakapan kita harus santun” dan hal ini terpancar melalui penggunaan kata ‘tolong’ yang mewakili kata penanda santun. Senada dengan itu, penstrukturan

makna konsep cempedak dan galah menyimpulkan falsafah dan kebijaksanaan bangsa Melayu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka tentang makna rujukan, hubungan latar situasi dan dunia sekeliling yang tampak terkait.

Selain itu, dalam IP pantun PT2, “Berguru kepalang ajar, Macam bunga kembang tak jadi” turut terpancar nilai sosial, iaitu keperluan untuk menuntut ilmu dengan sepenuhnya, yakni dengan bersungguh-sungguh. Kebanyakan responden turut berpendapat, iaitu seseorang itu harus merendah diri dan sentiasa mempamerkan perilaku yang budiman ketika belajar dan menuntut ilmu. Sementara itu, dalam pantun PT3, jelas menunjukkan kedudukan seseorang yang berilmu yang boleh diumpamakan seperti sebutir intan, “Kalau asal permata intan, Jatuh di gelap cahaya jua”. Penggunaan permata intan sebagai metafora adalah mewakili konsep suatu yang bernilai. Nilai permata intan ini tetap kekal dan hal ini dikaitkan dengan kedudukan seseorang yang berilmu. Dalam kehidupan, ilmu sangat penting sekali untuk seseorang itu belajar tentang ilmu dunia dan ilmu akhirat. Kesemua responden berpendapat, seseorang Muslim itu wajib menuntut ilmu dengan sempurna (IP PT2) untuk mengenal diri dan mengetahui pelbagai pengetahuan tentang agama, akhlak dan muamalah bagi menjadikan kita seorang manusia yang mempunyai nilai ihsan. Tambahan pula, dalam agama Islam, menuntut ilmu adalah kewajipan bagi setiap orang yang ingin memperoleh kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Bil	Pantun
PT2	Berburu ke Padang Datar, Dapat rusa bergelang kaki; Berguru kepalang ajar, Macam bunga kembang tak jadi. KKMS 412

Bil	Pantun
PT3	Arus deras Laut Bentan, Mati menteri ditikam paduka; Kalau asal permata intan, Jatuh di gelap cahaya jua. KKMS 410

Sementara itu, dalam peribahasa (PB), kepentingan menuntut ilmu ini turut diungkapkan dalam peribahasa yang berikut;

Bil	Peribahasa	Makna
PB1	Bagai air mencari jenisnya	Berusaha mencari ilmu dengan tidak henti-henti
PB2	Laut datang memunggah-munggah	Orang pandai dan bijaksana itu datang mengajarkan ilmu yang berguna kepada kita

Dalam peribahasa Melayu, konsep ilmu diwakili oleh leksikal 'air' dalam PB1 Bagai air mencari jenisnya dan 'laut' dalam peribahasa PB2 "Laut datang memunggah-munggah". Penggunaan leksikal 'air' dan 'laut' bertindak sebagai metafora yang merepresentasikan 'ilmu' itu memiliki ciri 'banyak', 'luas' dan 'dalam'. Justeru itu, ilmu yang banyak itu perlu dituntut oleh seseorang itu.

Selain memberikan tafsiran semantik untuk ilmu, "air" dan "laut" adalah antara sumber alam yang dimanfaatkan untuk pelbagai kepentingan dan keperluan hidup manusia agar manusia hidup lebih sejahtera di sekitar alam lingkungan kehidupan mereka seperti dinyatakan dalam Surah al-Firqan, Ayat 49.

Agar Kami menghidupkan dengan air itu negeri (tanah) yang mati, dan agar Kami memberi minum dengan air itu sebahagian besar dari makhluk Kami, binatang-binatang ternak dan manusia yang banyak.

Surah al-Furqan ayat 49

Berbalik kepada ilmu, ilmu pengetahuan menjadi semakin perlu dalam menjalani kehidupan seperti yang disebut dalam Surah al-Baqarah, Ayat 269. Ilmu yang dituntut merangkumi pengetahuan agama mengenai perkara berasaskan kebenaran dan kebatilan, dan juga ilmu berbentuk umum meliputi pengetahuan mengenai hal-hal keduniaan dan akhirat.

"Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang

ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya."

Surah al-Baqarah Ayat 269

Tegasnya, ilmu amat berguna kepada setiap manusia untuk mereka bekerja dan berkarya bagi memperoleh kejayaan diri, menyelesaikan masalah dan mengatasi risiko, serta menggunakan sesuatu peralatan, dan sebagainya.

Dengan demikian, penstrukturan makna konsep 'air' dan 'laut' bagi mewakili ilmu dilihat daripada segi kaitannya dengan pemahaman manusia mengasimilasikan idea baharu sebagai produk hasil daripada proses reflektiviti pada tahap rendah. Reflektiviti pada tahap rendah menjelaskan bahawa pembentukan pemahaman individu adalah ditentukan oleh persekitaran mereka yang seterusnya mempengaruhi penghasilan sesuatu konsep dan makna yang sepadan dengan rujukan daripada latar kehidupan.

Berbeza dengan peribahasa, konsep orang berilmu dikaitkan dengan benda-benda alam seperti padi dalam peribahasa PB1, 'Bawa resmi padi, makin berisi makin menunduk', buaya dalam peribahasa PB2, 'Tak akan terlawan buaya menyelam' yang wujud dalam budaya masyarakat Melayu dan kemenyan dalam PB3, "Ada kemenyan sebesar lutut jika tidak dibakar takkan berbau".

Bil	Peribahasa	Makna
PB3	Bawa resmi padi, makin berisi makin menunduk	Makin banyak ilmu, makin merendah diri
PB4	Tak akan terlawan buaya menyelam	Orang bodoh/tidak berilmu tak akan dapat melawan orang yang pandai
PB5	Ada kemenyan sebesar lutut jika tidak dibakar takkan berbau	Ilmu atau kepandaian yang tidak digunakan atau tidak diajarkan kepada orang lain tidak membawa faedah

Konsep ini terbentuk hasil daripada pengalaman dan penghayatan seharian yang seterusnya merepresentasikan konsep ilmu dengan semua entiti yang sinonim dengan 'banyak', 'luas', 'faedah',

dan 'perilaku'. Hal ini memperlihatkan suatu konsep dalam budaya Melayu adalah hasil daripada penaakulan terhadap tindakan manusia dengan segala unsur dan objek yang ada dalam alam yang

mempunyai struktur yang lebih luas. Entiti dan ciri-ciri sesuatu objek itu seterusnya mempengaruhi manusia membina pemahaman yang bermakna tentang objek alam yang sekali gus mempengaruhi pemikiran penutur dalam pembentukan makna dan konsep yang relevan dengan pengalaman kebudayaan dan alamnya.

Leksikal 'padi' dalam PB3 "Bawa resmi padi, makin berisi makin menunduk" dan 'kemenyan' dalam PB5 "Ada kemeyan sebesar lutut jika tidak dibakar takkan berbau" mewakili makna kebudayaan, iaitu suatu yang berfaedah dan menjadi keperluan dalam hidup, manakala 'buaya' dalam PB4 "Tak akan terlawan buaya menyelam" mewakili nilai ilmu dan kebijaksanaan seseorang yang tidak mudah ditandingi. Penggunaan objek-objek ini yang mewakili konsep ilmu menyerlahkan juga kerelevanan daripada segi penggunaan lambang bahasa mengikut konteksnya, selain menonjolkan nilai estetika. Alam manusia menyediakan konteks kepada manusia untuk membentuk atau membina makna kata dan konsep berdasarkan struktur fizikal dan organisma yang diperhatikan. Justeru, beberapa aspek sifat manusia, khususnya tingkah laku yang setanding dengan sifat fizikal sesuatu objek itu diperhatikan sehingga mendorong manusia menggunakan daya intelektual untuk belajar tetapi dengan cara yang berbeza cuba memahami makna kata dan konsep yang sinonim dengan sesuatu fenomena yang ditempuhi.

Andaian manusia juga dipengaruhi oleh struktur fizikal, pengalaman, makna kebudayaan yang diwarisi dan struktur intelek yang ada pada setiap manusia itu bagi membuat ketetapan untuk menjadikan 'padi yang berisi', 'buaya' dan 'kemenyan' sebagai satu metafora bagi mewakili perilaku seseorang yang berilmu. Dengan demikian, setiap penggunaan leksikal dalam pantun dan peribahasa adalah hasil pemikiran dan penemuan makna konsep yang memancarkan nilai falsafah, nilai kebijaksanaan dan interaksi sosial manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Hal ini sekali gus memancarkan bahasa sebagai alat komunikasi yang mempunyai kaitan dengan hubungan sosial dan interaksi manusia, (Chomsky, N. 1984). Tegasnya, nilai pendidikan yang terpancar dalam pantun dan peribahasa Melayu mempunyai sumbangan sebagai fungsi ucapan penutur selain memperlihatkan pemikiran naratif penuturnya.

Di samping itu, dapat juga dijelaskan bahawa apa-apa sahaja kejadian dalam alam semesta yang diungkapkan melalui pantun dan peribahasa Melayu turut menonjolkan catatan hidup dan makna minda

yang berasaskan pemikiran yang tinggi dan nilai falsafah yang ada kaitannya dengan peristiwa sejarah dan tingkah laku penuturnya. Namun apa-apa yang digarapkan hanyalah makna secara umum serta mewakili sifat dan sikap yang umum juga tetapi berfungsi dan relevan mengikut konteksnya.

Oleh itu, untuk memahami cara bangsa Melayu berfikir seperti yang diungkapkan dalam pantun dan peribahasa, seseorang itu mestilah memahami sifat bahasanya, latar kebudayaan, alamnya, dan proses interaksi sosialnya dalam masyarakat dan alam sekelilingnya kerana melalui pemahaman ini, barulah seseorang itu mampu menyelami makna pemikiran penuturnya sekali gus dapat memahami apa-apa yang difikirkan dan apa-apa yang diperkatakan oleh mereka.

FALSAFAH DAN KEBIJAKSANAAN BANGSA MELAYU

Pantun dan peribahasa mendukung pelbagai fungsi justeru penggunaannya adalah sesuai dan fleksibel mengikut situasi dan zaman. Sementelahan lagi, pemikiran yang tersirat dalam makna pantun dan peribahasa menonjolkan sikap masyarakat yang patuh kepada nilai dan norma hidup tradisional yang terkandung dalam budaya mereka.

Pantun PT4, memperlihatkan nasihat dan tindakan yang disyorkan walaupun kadangkala terdapat halangan dalam mendapatkan sesuatu hajat itu. Mesej dalam pantun PT4 ini sarat dengan perasaan, nilai dan norma budaya yang harus dipatuhi oleh penuturnya.

Bil	Pantun
PT4	Tanam pinang rapat-rapat, Biar senang puyuh berlari; Ku pinang-pinang tak dapat, Ku pujuk-pujuk ku bawa lari.

RTB

Daripada PP PT4 jelas diperlihatkan satu usaha yang dilakukan untuk memudahkan sesuatu tindakan. Dalam konteks PP PT4, tindakan itu ditujukan kepada puyuh. 'Puyuh' merepresentasikan imej minda, iaitu organisma yang mudah membiak dan berharga, memiliki sayap namun tidak pandai terbang. Melalui

pengubahan, pembinaan dan pencantuman idea, ciri fizikal burung puyuh, ‘memiliki sayap namun tidak pandai terbang’ dikaitkan dengan daya seseorang itu, iaitu memiliki keinginan atau hajat tetapi tidak mempunyai daya daripada segi fizikal. Kebanyakan responden pula menyatakan bahawa ‘burung puyuh’ merepresentasi makna konsep ‘manusia yang kerdil’ tetapi mempunyai keinginan yang pelbagai. Bagi memperoleh keinginan itu, manusia menggunakan akal dengan cara yang bijaksana untuk melakukan sesuatu tindakan yang dirasakan wajar, (RTB, L). Justeru, terhasilnya pembinaan semula makna kata dan konsep ‘puyuh’ ini bagi mewakili perilaku manusia yang tidak berputus asa, sebaliknya ‘mereflek’ tindakan fizikal dan mental mereka lalu diujarkan, “ku pinang-pinang” dan “ku pujuk-pujuk” yang sepadan dengan makna kebudayaan. Struktur bahasa ini memperlihatkan hubungan antara struktur bahasa dengan peraturan perlakuan penggunaannya. Tindakan ini terjelma hasil daripada pemerhatian dan pemahaman manusia terhadap struktur fizikal organisma yang diperhatikan. Hasil pemerhatian terhadap tindakan organisma ini, manusia membentuk IP yang mengandungi falsafah dan pemikiran yang bijaksana untuk menyelesaikan suatu kerumitan itu berdasarkan pemerhatian dan penaakulan terhadap aspek fizikal organisma secara langsung. Hal ini turut menjelaskan bahawa setiap yang di fokus manusia adalah lebih tampak daripada latar. Justeru lahir IP yang berbunyi;

Ku pinang-pinang, tak dapat,
Ku pujuk-pujuk, ku bawa lari.

Penggunaan leksikal ‘pinang’ menyimpulkan kandungan budaya kerana pinang mempunyai analogi dengan adat. IP menyerlahkan nilai hormat dan tindakan penutur yang menghormati adat budaya. Makna pemikiran menghormati adat budaya dizahirkan oleh kata-kata, “ku pinang-pinang..” Setelah hajat tidak dipenuhi, barulah penutur melakukan tindakan yang bertentangan dengan adat tetapi masih dibatasi oleh nilai adat yang terkandung dalam kata-kata, “Ku pujuk-pujuk....” Kata ‘pujuk’ dengan sendirinya membawa maksud permintaan yang santun, tidak memaksa, sebaliknya memberikan pilihan kepada pendengar untuk menerima atau menolak, (Lakoff 1973), mempunyai nilai kerendahan hati, serta mempunyai nilai kelembutan untuk mendapatkan simpati dan persetujuan, (Leech 1983).

Pantun PT4 di atas, jelas memperlihatkan struktur bahasa dalam pantun itu bukanlah semuanya dipelajari, sebaliknya elemen bahasa yang berkembang setanding dengan perkembangan pemikiran penuturnya dalam proses interaksi sosial. Bentuk bahasa yang diujarkan itu dibangunkan atas dasar pengalaman dan refleksiviti penutur terhadap tingkah laku biologi sesuatu objek tertentu yang diperhatikan. Hal ini juga terpancar dalam pantun PT5 yang berikut;

Bil	Pantun
PT5	Tanam papaya, tumbuh langsung Dililit kangkung bertali-tali; Seribu daya kalau berhajat, Gunung tinggi papah didaki.

KKMS:455

Dalam pembayang pantun PT5, diperlihatkan tindakan manusia yang mengalami kerumitan apabila suatu usaha atau keinginan itu tidak dapat dipenuhi oleh sifat manusia yang kerdil. Namun manusia yang di anugerah akal dan mempunyai daya dari segi fizikal, secara bijaksananya mengatur tindakan yang memancarkan suatu usaha melalui IP, iaitu “Seribu daya kalau berhajat, Gunung tinggi papah didaki.”

Pantun PT4 dan PT5 memperlihatkan kemampuan manusia untuk membina erti berdasarkan sumber alam yang berbentuk tradisional mengikut lakaran budaya. Malahan kesemua RTB menyatakan bahawa pada masa yang sama mereka memupuk dan membina nilai kemasyarakatan dengan mengambil kira fungsi pantun dalam menyampaikan mesej, nilai falsafah dan nilai norma dalam kebudayaan Melayu.

Walaupun PT4 menggunakan kata-kata mudah, iaitu pinang, puyuh, pujuk, dan PT5 menggunakan kata-kata ‘papaya’, ‘langsat’, ‘kangkung’ dan ‘gunung’, namun suatu yang tampak jelas ialah pendedahan makna kata ‘pinang’, ‘puyuh’ dan ‘pujuk’ yang menampakkan suatu penjelasan yang benar tentang hubungan manusia dengan adat dan manusia dengan manusia manakala kata-kata ‘papaya’, ‘langsat’, ‘kangkung’ dan ‘gunung’ menampakkan hubungan manusia dengan alam sekelilingnya dan hal ini dipersetujui oleh semua RTB.

Demikian juga, falsafah dan pemikiran berkaitan adat dan norma budaya turut terpancar dalam peribahasa yang berikut;

Bil	Peribahasa	Makna
PB6	Adat yang menurun, syarak yang mendaki	Adat itu sesuatu yang boleh diperlonggarkan dan diubah-ubah, sedangkan hukum syarak tidak boleh diubah-ubah
PB7	Pada sama tumbuh dengan siangan, adat sama tumbuh dengan sengketa	Pelaksanaan adat itu ada sebab-sebabnya
PB8	Patah sayap bertongkat paruh, patah paruh bertelekan	Terus berusaha tanpa putus asa

Peribahasa PB6, PB7 dan PB8 menunjukkan bahawa seseorang itu tidak berfikir dalam entiti bahasa sahaja tetapi juga melibatkan imej visual yang berlatarkan situasi, pengalaman, kebudayaan, daya penaakulan, dan penilaian sendiri. Hal ini terpancar dalam PB6, iaitu ‘Adat yang menurun’ merepresentasi makna konsep ‘adat yang boleh diperlonggar’ manakala ‘syarak yang mendaki’ merepresentasi makna ‘hukum syarak tidak boleh diubah-ubah’. Meskipun demikian, kebanyakan RTB menyatakan adakalanya kita tidak dapat menyatakan kandungan pemikiran kita dalam kata-kata sahaja sebaliknya kita hanya mampu untuk menyatakan sesuatu itu berdasarkan pengalaman yang biasa ditempuhi seperti yang diungkapkan dalam PB7. Sementara itu, berdasarkan pengalaman akan terdapat sejenis pemikiran untuk membentuk makna linguistik berdasarkan objek dengan mengaitkan sifat dan ciri objek untuk menjadi satu metafora, (Langacker, R.W 1991). Contohnya ‘sayap’ dalam PB8, iaitu anggota badan burung yang digunakan untuk terbang membentuk makna metafora ‘daya’ justeru ‘patah sayap’ (PB8) mewakili makna metafora ‘tidak berdaya’. Makna linguistik ini seterusnya mencerminkan nilai falsafah dan pemikiran dalam peribahasa, ‘Patah sayap bertongkat paruh, patah paruh bertelekan’ iaitu terus berusaha tanpa putus asa.

Sementara itu dalam pantun PT6 dan PT7, jelas terpancar nilai falsafah dan kebijaksanaan. Daripada pembayang pantun PT6, sudah memperlihatkan suatu yang di luar jangkauan dan yang sukar untuk dicapai.

Bil	Pantun
PT6	Pisang embun di luar pagar, Sayang kundang masam isinya; tujuh tahun sekam terbakar, Baru sekarang menyala apinya. KKMS:447

Perkataan ‘di luar pagar’ mewakili suatu jarak antara kedudukan manusia dengan objek yang sukar untuk dicapai manakala ‘kundang masam isinya’ mewakili konsep sesuatu yang di luar jangkauan. Dalam PT6, PP mempunyai makna yang mempunyai pertalian dengan isi pantun. Kata, ‘tujuh tahun sekam terbakar’ mewakili suatu jarak, iaitu selama tujuh tahun dan ‘Baru sekarang menyala apinya’ menyerlahkan suatu hasil yang diperoleh di luar jangkauan.

Senada dengan itu, pantun PT6 menonjolkan norma masyarakat Melayu yang berpegang kepada kejadian dan ketentuan Pencipta-Nya. Sebagai makhluk ciptaan Pencipta-Nya, bangsa Melayu belajar daripada suatu fenomena yang berlaku dan dikaitkan dengan pengalaman hidup mereka. Sejalan dengan itu, penggunaan sesuatu kata itu harus difahami daripada sudut etimologi dan dikaitkan dengan fenomena yang berlaku dalam kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat dalam pantun PT7 dan PT8 yang berikut;

Bil	Pantun
PT7	Pokok hijau baru berdaun, Habis daunnya dipetik budak; Hujan tidak panas setahun, Cabang dan ranting bertunas jugak. KKMS:447

Bil	Pantun
PT8	Anak ayam baru berkepak, Mari patuk burung balam; Bawa garam cuma secupak, Takkan masin air di kolam. KKMS:403

Pantun PT7 memperlihatkan peristiwa alam yang berlaku dan mempunyai asas biologi yang semula

jadi. IP pantun PT7 “Hujan tidak panas setahun”, “Cabang dan ranting bertunas jugak” menyerlahkan pemahaman manusia tentang alam sekeliling. Responden juga turut bersetuju bahawa hujan merupakan unsur iklim yang berpengaruh terhadap pertumbuhan tanaman dan kualiti tanaman. Dengan berasaskan pengetahuan, pengalaman dan daya penaaakulan terhadap iklim sebagai faktor lingkungan dengan faktor genetik tanaman, manusia membina makna kata dan konsep tentang fenomena hujan dan tumbuh-tumbuhan. Hasil interaksi manusia dengan fenomena alam sekeliling ini, manusia membentuk makna kata dan konsep yang sepadan dengan kelaziman rujukan lalu lahirlah PP dan IP pantun PT7. Begitu juga dengan pantun PT8. PP PT8, “Anak ayam baru berkepak” dan IP PT8, “Bawa garam cuma secupak” memperlihatkan nilai kuantiti dan kualiti yang tidak mencukupi dari segi tempoh masa, umur dan jumlahnya. Senada dengan itu, terhasillah pembinaan dan pencantuman idea baharu dengan idea sedia ada lalu terbentuknya makna kata dan konsep ‘kuantiti dan kualiti’ sesuatu objek dan tindakan manusia dalam PT8, “Bawa garam cuma

secupak, Takkan masin air di kolam”. Hal ini juga menyerlahkan kebijaksanaan masyarakat penutur membina makna kata dan konsep dalam pantun melalui penstrukturan semula idea secara rasional hasil daripada interaksi manusia dengan alam sekelilingnya dan dimanfaatkan penggunaannya dalam interaksi sosial.

Hasil interaksi manusia dengan peristiwa dan fenomena alam juga turut dizahirkan dalam peribahasa PB9, “Tak ada laut yang tidak berombak” dan PB10, “Tak ada padi yang bernas setangkai” bagi membentuk makna kata dan konsep berasaskan peraturan dan sistem alam yang telah ditentukan oleh Pencipta-Nya. Pembentukan makna kata dan konsep ‘peraturan sebab dan akibat’ ini adalah sepadan dengan kelaziman rujukan hasil daripada daya penaaakulan dan penilaian sendiri. Melalui pengubahan, pembinaan dan pencatuman idea berasaskan kejadian sesuatu peristiwa, fenomena dan peraturan alam ini, makna kata dan konsep berkaitan dengan perilaku dan tindakan manusia dalam PB9 dan PB10 dibentuk sebagai motivasi yang sesuai dengan situasi dan konteksnya.

Bil	Peribahasa	Makna
PB9	Tak ada laut yang tidak berombak	Segala usaha atau pekerjaan pasti ada kesukaran atau bahayanya
PB10	Tak ada padi yang bernas setangkai	Tak ada sesuatu perkara atau manusia yang benar-benar sempurna

Dengan demikian, pantun PT7 dan PT8, serta peribahasa PB9 dan PB10 telah dapat menunjukkan bahawa bahasa mempunyai kaitannya dengan pemikiran dan falsafah bangsa Melayu, selain berfungsi mengeratkan hubungan sosial dan interaksi dalam masyarakat. Sementelahan kesemua responden bersetuju dan menyatakan bahawa segala sesuatu yang diciptakan Tuhan, terbangun oleh sistem sebab dan akibat. Hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa bahasa dalam pantun dan peribahasa turut berfungsi sebagai medium komunikasi antara manusia dengan Pencipta-Nya, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam sekelilingnya.

Daripada sudut lain, aspek leksikal dan bentuk bahasa yang digunakan dalam pantun dan peribahasa turut menonjolkan cara manusia berfikir dan berfalsafah. Kebanyakan responden juga bersetuju dan menyatakan bahawa pemikiran


manusia tentang hukum alam yang bersifat mutlak, tetap dan tidak berubah telah mempengaruhi cara bangsa Melayu berfalsafah menerusi pantun dan peribahasa. Justeru, pengkajian terhadap aspek bahasa dalam pantun dan peribahasa sangat penting untuk mengetahui aspek pemikiran, nilai pendidikan, falsafah dan kebijaksanaan bangsa Melayu mereflek tindakan fizikal dan mental mereka bagi membentuk makna kata dan konsep tentang sesuatu perkara atau fenomena yang sesuai dengan latar dan konteksnya.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Peribahasa memperlihatkan elemen keadaan dan bebanan emosi penuturnya, (Kuusi 1988). Peribahasa memiliki ciri-ciri linguistik yang unik dan bertindak sebagai alat budaya manusia. Melalui

pantun dan peribahasa, dapat difahami sudut pandangan bangsa Melayu dan penggunaan bahasa dalam interaksi sosial yang menyerlahkan nilai pendidikan, falsafah dan pemikiran penuturnya.

Kajian ini mendapati penggunaan pantun dan peribahasa Melayu ada kaitannya dengan pemikiran logik. Hal ini terjadi apabila unsur-unsur dalam alam ini yang sering ditempuhi dan dihadapi oleh seseorang itu telah direfleksikan secara falsafah sehingga memperlihatkan kewujudan makna dan konsep dalam pelbagai realiti, bentuk bahasa, bentuk pengetahuan, falsafah dan pemikiran bangsa Melayu yang sekali gus menyingkap peranan nilai dan norma dalam kehidupan bangsa Melayu yang bertamadun. Penjana makna daripada alam dapat digambarkan dalam Rajah 1 yang berikut:



RAJAH 1. Sumber Bahasa dalam Pantun dan Peribahasa

Pengkajian terhadap penggunaan bahasa dalam pantun dan peribahasa sangat wajar dilakukan untuk membongkar spesies organisma dan sifat biologinya yang digunakan oleh bangsa Melayu bagi mewakili pemikiran dan penciptaan makna dalam pantun dan peribahasa sebagai medium interaksi dalam dunia sosial bangsa Melayu. Senada dengan itu, pantun dan peribahasa perlu berorientasikan budaya dan harus mengekalkan nilai tradisionalnya agar mod pemikiran bangsa Melayu dapat mencerminkan nilai dan warisan budaya, sekali gus menjadikan pantun dan peribahasa sebagai ucapan pemikiran bangsa Melayu yang tulen dan bersifat puitis.

Kajian ini juga berjaya memperlihatkan satu teori Makna Bahasa dan Budaya Alam (Rekonstruktantik) yang menjelaskan cara bangsa Melayu melahirkan pantun dan peribahasa. Teori ini adalah gabungan beberapa prinsip teori yang menjadi landasan kajian ini, iaitu:

1. Proses Refleksiviti.
Manusia membina pemahaman yang bermakna tentang alam sekeliling mereka bagi membina makna dan konsep bahasa dan budaya.
2. Penentuan Imejan Makna.
Penentuan imejan makna adalah berdasarkan pengelasan kognitif yang terbentuk daripada pemahaman dan pengalaman manusia tentang sesuatu perkara dan fenomena yang ditempuhi.
3. Pembentukan Asas Makna dan Konsep.
Setiap makna kata dan konsep yang dibentuk dalam bahasa adalah berasaskan pengetahuan, pengalaman kebudayaan, pancaindera, daya penaakulan dan penilaian sendiri terhadap situasi, objek dan fenomena dengan cara mereflek tindakan fizikal dan mental.
4. Pengubahan dan Pembinaan Makna.
Setiap pengubahan, pembinaan dan penerimaan makna kata dan konsep akan melibatkan gabungan imejan kognitif dan imejan dari dunia luar yang diperoleh semasa manusia berinteraksi dengan alam sekeliling.
5. Pembinaan Semula Makna Kata dan Konsep.
Pembinaan semula makna dan konsep adalah melalui refleksi dan interaksi manusia dengan objek alam dan idea agar makna dan konsep yang dibina semula itu menjadi lebih baik dan sesuai dengan kelaziman rujukan dan latar situasinya. Manusia mengkonstruk makna dan konsep yang baharu ini turut didorong oleh motivasi.
6. Penghasilan Makna dan Konsep Bahasa dalam Budaya.
Penghasilan makna dan konsep bahasa dalam budaya adalah terhasil daripada penilaian dan pembinaan semula makna kata dan konsep daripada medan fokus dan makna konsep daripada latar situasi dengan dunia luar agar makna kata dan konsep itu adalah sepadan dengan kelaziman rujukan dalam bahasa dan budaya masyarakatnya.

KESIMPULAN DAN KAJIAN SELANJUTNYA

Aspek leksikal yang digunakan dalam pantun dan peribahasa jelas mencerminkan aspek pengetahuan, pemikiran, dan falsafah bangsa Melayu. Malahan

bentuk bahasa yang diungkapkan dalam pantun dan peribahasa turut mempamerkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan bangsa Melayu.

Dalam nada yang berbeza, walaupun pantun dan peribahasa semakin kurang ruang penggunaannya, atau dalam lain perkataan tidak mempunyai banyak peluang dan ruang penggunaan dalam komunikasi, namun pantun dan peribahasa masih berfungsi dalam ‘ruang yang semakin sempit’ sebagai agen penghantaran maklumat berkaitan dengan pemikiran, falsafah, kebijaksanaan bangsa dan cerminan nilai dan norma budaya. Kandungan pemikiran dan falsafah bangsa masih dapat disebarkan. Oleh itu, penyelidikan terhadap pantun dan peribahasa Melayu ini harus menyerlahkan nilai falsafah yang tinggi terhadap bahasa, ilmu dan nilai hidup dalam tamadun bangsa Melayu. Namun, disebabkan kajian ini mengorientasikan tahap penelitian yang masih terhad, justeru kajian akan datang perlu dijalankan berdasarkan teori-teori falsafah, teori sosiolinguistik, dan teori sosial bahasa supaya dapat diperlihatkan mesej budaya dan hasil pentafsiran pantun dan peribahasa yang dapat mewarnai tahap falsafah dan pemikiran bangsa Melayu sesuai dengan kepentingannya, situasi kehidupan, dan amalan hidup bangsa Melayu yang kontemporari.

RUJUKAN

- Charalambos Tsekeris. 2010. Reflections on Reflexivity: Sociological Issues and Perspectives. *Contemporary Issues* 3(1).
- Chomsky, N. 1984. In Wiktor Osiatynski (ed.), *Contrasts: Soviet and American Thinkers Discuss the Future*: 95-101. Canada: MacMillan.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. London: Sage Publications.
- Denzin, N. K. 1970. *The research act: A theoretical introduction to sociological methods*. New York: Aldine.
- Glenn, A. Bowen. 2009. Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27-40.
- Hamilton, A.W. 1947. *Malay proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Heidegger, M. 1971. *Poetry, Language, Thought*. New York: Harper & Row.
- Kurik Kundi Merah Saga, Edisi Kedua. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuusi, Matti (ed.). 1988. *A dictionary of proverbs and proverbial phrases in current Finnish*. Helsinki: Suomalaisen Kirjallisuuden Seura.
- Lakoff, R. 1973. The logic of politeness; or, minding your p’s and q’s. In Corum, T.C., Smith-Stark, C., & Weiser, A. (eds) *Papers from the Ninth Regional Meeting of the Chicago Linguistic Society*: 292-305. Chicago: Chicago Linguistic Society.
- Langacker, Ronald W. 1991. *Foundations of cognitive grammar. Vol. 2: Descriptive application*. Stanford: Stanford University Press.
- Leech, Geoffrey. 1983. *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Martin, P. Y. & Turner, B. A. 1986. Grounded theory and organisational research. *Journal of Applied Behavioral Science* 22: 141-157.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative evaluation and research methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage.
- Teori Konstruktivisme. Diakses pada 14 Jun 2010 melalui laman web <https://id.wikipedia.org/wiki/Konstruktivisme>
- Wilkinson, R. J. 1907. *Papers on Malay subjects: Malay literature, Part 1: Romance, history, poetry*. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.
- W.G.Shellabear. 1982. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Strauss, A. L. & Corbin, J. 1998. *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory*. California: Sage Publications.
- Yin, R. K. 1994. *Case study research: Design and methods (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit UPM.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2015. ‘Perkaitan kognisi penutur dengan kata dan konsep budaya hidup masyarakat dalam peribahasa’. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Meja Bulat “Simpulan Bahasa dan Kognisi Penutur” di Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang
Selangor
zazh@upm.edu.my

Diserahkan: 7 Januari 2017

Diterima: 4 April 2017

